

TABLET KETIFEN / SIRAP KETIFEN

Ketotifen 1 mg per tablets/5 mL

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KETIFEN
2. Sebelum mengambil KETIFEN
3. Cara menggunakan KETIFEN
4. Kesan-kesan sampingan
5. Cara penyimpanan dan pelupusan KETIFEN

Apakah kegunaan KETIFEN

KETIFEN digunakan untuk merawat pelbagai keadaan alergik seperti rinitis (inflamasi membran mukus dalam hidung), konjunktivitis (inflamasi membran mukus dalam mata), dan rawatan profilaktik untuk asma bronkial.

Bagaimana KETIFEN berfungsi

KETIFEN mengandungi ubat yang dipanggil ketotifen. Ia merupakan antihistamin yang menghalang pelepasan kimia badan yang dipanggil histamine. Histamin boleh menghasilkan simptom alergi seperti bersin, hidung berair dan mata berair.

Sebelum mengambil KETIFEN

Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil KETIFEN jika anda alergik (hipersensitif) terhadap ketotifen atau mana-mana komponen ubat yang berkenaan.

Sebelum mula mengambil

Baca seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Terutamanya: Sedatif, hipnotik, antihistamin and alkohol.

Cara menggunakan KETIFEN

Berapa banyak harus diambil

TABLET KETIFEN

Dewasa: 1 tablet dua kali sehari dengan hidangan pagi dan petang.

Kanak-kanak:

3 tahun dan ke atas: 1 tablet dua kali sehari.

SIRAP KETIFEN

Kanak-kanak:

3 tahun dan ke atas: 5 ml dua kali sehari.

6 bulan - 3 tahun: 2.5 ml dua kali sehari.

Bila perlu diambil

Ambil KETIFEN dua kali sehari selepas makan atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil KETIFEN tepat seperti yang diberitahu doktor. Jika anda tidak pasti, semak dengan doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil sesuatu dos, ambilnya sebaik saja anda ingat. Jika waktu itu hampir masa untuk dos yang seterusnya, ambil dos yang seterusnya sahaja dan lupakan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika dengan tidak sengaja anda mengambil terlalu banyak KETIFEN, maklumkan doktor atau pergi ke bahagian kecemasan hospital terdekat dengan segera. Bawa pek ubat dengan anda supaya doktor tahu apa yang telah anda ambil. Simptom dan dosis berlebihan termasuk mengantuk dengan keadaan akibat ubat sedatif yang teruk, kekeliruan dan disorientasi, tacikardia dan hipertensi.

Semasa menggunakan KETIFEN

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengambil KETIFEN tepat seperti yang diberitahu oleh doktor. Jika anda tidak pasti, semak dengan doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos berganda untuk menggenapkan dos yang terlupa.
- Jangan memandu atau mengendalikan jentera.
- Jangan ambil KETIFEN selepas tarikh

Kesan-kesan sampingan

Mengantuk, mulut kering dan pening sedikit boleh berlaku.

Cara penyimpanan dan pelupusan

KETIFEN

Penyimpanan

TABLET KETIFEN:

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

SIRAP KETIFEN:

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi daripada cahaya dan haba yang berlebihan.

Pelupusan

TABLET KETIFEN: 5 tahun selepas tarikh pengilangan.

SIRAP KETIFEN: 3 tahun selepas tarikh pengilangan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warnanya

TABLET KETIFEN: Bulat, rata, tablet putih, tertekap logo BIOLAB pada satu permukaan dan garisan terbahagi pada muka depan.

SIRAP KETIFEN: Manis, jernih.

cecair hampir tidak berwarna dengan rasa pir.

Bahan-bahan kandungan

TABLET KETIFEN: Corn Starch, Lactose, Purified Water, Povidone dan Magnesium Stearate.

SIRAP KETIFEN: Citric Acid Monohydrate, Sodium Citrate Dihydrate, Sucrose, Sorbitol Solution 70%, Methylparaben, Propylene Glycol, Pearade Flavor dan Purified Water.

NO MAL:

TABLET KETIFEN: MAL19921584A

SIRAP KETIFEN: MAL19921585A

Pengilang

BIOLAB CO., LTD.

625 Bangpoo Industrial Estate
Samutprakarn, Thailand.

Pemegang Autorisasi Pemasaran

MEDISPEC (M) SDN.BHD

6 bulan - 3 tahun: ½ tablet dua kali sehari.

luput yang dinyatakan pada bungkusannya.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengandung, merancang untuk menjadi mengandung atau menyusui, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil KETIFEN.

Tarikh kemas kini

Disember 9, 2011